

Musyawarah jalan terbaik merungkai kemelut negara

Oleh Dr Mohd Izani Mohd Zain
bhrencana@bh.com.my

Pertemuan Yang di-Pertuan Agong dengan beberapa pemimpin parti politik baru-baru ini, mengingatkan kita dengan pertemuan hampir sama berlaku sekitar Februari 2020 bagi mendapatkan pandangan langsung daripada pemimpin parti politik mengenai calon Perdana Menteri.

Ketika itu, banyak pihak melihat kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong terserlah dalam merungkai kemelut politik yang berpanjangan, apabila berjaya mengenal pasti calon Perdana Menteri yang kini dilantik ke jawatan itu, iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pelantikan Perdana Menteri itu membuka laluan kepada penubuhan

kerajaan Perikatan Nasional (PN) bagi menggantikan kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang hanya mampu bertahan selama 22 bulan.

Cuma apa yang berbeza, pertemuan Yang di-Pertuan Agong dengan beberapa pemimpin parti politik baru-baru ini tidak membabitkan apa-apa nombor atau perakuan bersumpah untuk memilih Perdana Menteri baharu, malah mengubah kerajaan. Tidak ada desakan pilihan raya diadakan segera pada masa sekarang.

Pertemuan yang berlangsung memberi fokus kepada perbincangan mengenai perkembangan semasa dan hala tuju negara dalam tempoh terdekat ini, khususnya pelaksanaan Proklamasi Darurat dan Pemasalahan Ordinan Darurat dalam Mengurus Pandemik COVID-19 yang diwartakan 14 Januari lalu masih berlangsung dan berakhir pada Ogos depan.

Yang di-Pertuan Agong bakal mengadakan perbincangan bersama pemimpin politik Sabah dan Sarawak pada 14 Jun ini secara dalam talian.

Kemuncaknya adalah Persidangan Khas Majlis Raja-Raja Melayu pada 16 Jun yang dipengerusikan baginda bagi membincangkan perkara berkaitan usaha memerangi penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan dalam tempoh darurat.

Sudah tentu, inti perbincangan Seri Paduka pada persidangan khas itu akan mengambil kira pandangan hasil musyawarah bersama pemimpin parti sebelum ini.

Jelas sekali, baginda mahu sebarang keputusan diambil pada persidangan khas itu nanti adalah inklusif dan bersifat konsensus, lebih-lebih lagi negara masih dalam situasi sukar mengekang penularan pandemik COVID-19.

Kita sangat yakin, apa juga keputusan dan tindakan bakal diambil oleh baginda adalah untuk kepentingan serta kesejahteraan rakyat.

Amalan musyawarah yang berlangsung ini menepati keperluan semasa, malah mengambil kira pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan.

Jika amalan biasa, musyawarah berlaku antara Seri Paduka dengan Perdana Menteri saja dalam konteks eksekutif, namun kali ini membabitkan

kumpulan lebih besar, iaitu pemimpin parti politik.

Keharmonian antara Yang di-Pertuan Agong dengan pemimpin parti amat diperlukan bagi memastikan negara berada dalam keadaan terbaik. Inilah simbiosis antara konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen di negara.

Rata-rata pemimpin parti yang dipanggil menzahirkan pandangan mereka, khususnya mewakili pendirian parti masing-masing. Apa yang paling jelas, tidak ada desakan untuk mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) pada masa terdekat. Malah mereka akur pilihan raya hanya boleh diadakan apabila situasi penularan pandemik COVID-19 dapat dibendung dan sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia selesai divaksin.

Apa yang berlaku pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah tahun lalu sewajarnya menjadi pengajaran, bahawa politik tidak boleh mengatasi soal kemanusiaan dan keselamatan insan dalam negara.

Jika ditanya rakyat, sudah tentu pilihan raya bukan keutamaan buat masa sekarang, tetapi soal ekonomi dan kesihatan mereka.

Selain itu, majoriti pemimpin parti menyuarakan pendirian bahawa sidang Parlimen perlu diteruskan selepas Ogos nanti. Mereka berhujah amalan demokrasi berparlimen mesti dilaksanakan, malah sudah ada cadangan supaya ia dilakukan secara hibrid atau dalam talian jika tidak boleh dilakukan secara bersemuka seperti biasa.

Isu yang paling hangat diperkatakan adalah cadangan penubuhan Majlis Gerakan Malaysia atau MAGERAN oleh Tun Dr Mahathir Mohamad. Namun, cadangan beliau ditolak pemimpin parti lain kerana ia dilihat cubaan untuk melanjutkan tempoh darurat.

Bahkan, alasan Dr Mahathir menggunakan penubuhan MAGERAN pada 1969 tidak relevan dengan perkembangan semasa. Sudah banyak pandangan mengenai hal ini.

Secara logik, sukar idea MAGERAN untuk direalisasikan kerana ia perlu mendapat sokongan daripada pihak kerajaan.

Dalam keadaan ketidakpastian penularan pandemik COVID-19 dan faktor politik yang tidak memperlihatkan mana-mana parti yang mendominasi, pendekatan musyawarah antara Seri Paduka dengan pemimpin parti politik sewajarnya menjadi amalan dari semasa ke semasa.

Ita bukan bermaksud baginda mahu mencampuri urusan pemerintahan negara. Namun, peranan Yang di-Pertuan Agong diperlukan dalam merungkai isu dan permasalahan semasa dengan lebih bijaksana.

Amalan musyawarah yang ditampilkan baginda ini perlu dihayati semua pihak bagi mengatasi kekeliruan dan kemelut yang melanda.

Nabi Muhammad SAW yang bersifat maksum mengakui kepentingan musyawarah bagi mencari penyelesaian ummah yang terbaik. Siapakah kita yang serba kekurangan menafikan kepentingan musyawarah dalam urusan kehidupan seharian?

Musyawarah semakin kritikal apabila ada keperluan definisi autoriti (pandangan institusi dan birokrat) diseimbangkan dengan definisi popular (pandangan awam terutama ahli pakar) bagi mencari titik temu yang lebih berkesan.

Sudah tiba masanya, terutama pemimpin pada semua peringkat untuk tidak hanya mendengar suara mereka sendiri. Bukalah pintu musyawarah seluas-luasnya kerana di situ kita akan bertemu jalan hikmah.

Lebih-lebih lagi musyawarah yang membabitkan kumpulan cerdik pandai dan cendekiawan di institusi pengajian tinggi (IPT) yang sentiasa bersedia memberi pandangan atas nama kebenaran dan kebebasan akademiknya.

Jangan dilupakan kepentingan lebih 30,000 ahli akademik di IPT seluruh negara. Jangan dilupa, mereka juga pengundi yang sentiasa mendengar dan memerhati.

Mereka juga yang membentuk kemenjadian pelajar yang juga bakal pemimpin negara pada masa hadapan.

“Sudah tiba masanya, terutama pemimpin pada semua peringkat untuk tidak hanya mendengar suara mereka sendiri”

